



ANUGERAH INDUSTRI MUZIK



KENYATAAN MEDIA

RIM MENGUMUMKAN BARISAN PENYAMPAI DAN PERSEMBAHAN ARTIS HEBAT UNTUK AIM 19

30hb Oktober 2012, Kuala Lumpur - Bahang Anugerah Industri Muzik edisi ke-19 (AIM 19) semakin terasa dengan pengumuman barisan penyampai dan artis hebat yang bakal membuat persembahan pada acara gilang-gemilang itu oleh Persatuan Industri Rakaman Malaysia (RIM) hari ini.

Bertemakan “Black & White Glam Glitz”, AIM 19 bersedia untuk menggegarkan dunia hiburan muzik dengan penampilan dan persembahan pelbagai artis baru dan yang berstatus bintang termasuklah Dato’ Siti Nurhaliza, Hafiz, Mojo, Jimmy Palikat, One Nation Emcees, Shila Amzah, Lefthanded dan Forteen. Kumpulan muzik popular Indonesia, Nirwana Band juga akan menghangatkan pentas bersama rakan-rakan seperjuangan mereka di sini. Persembahan menghiburkan dalam pebagai genre muzik termasuk pop, rock, hip hop, balada dan dance akan memastikan penonton terus terpaku di depan skrin TV sepanjang berlangsungnya acara anugerah selama 2 ½ jam ini. Penonton-penonton juga akan dapat menyaksikan kemunculan artis-artis kegemaran mereka bersama pasangan masing-masing di siaran secara langsung segmen ‘Karpel Glamor’ sebelum bermulanya acara anugerah utama.

“Anugerah Industri Muzik sudah tentunya sebuah rancangan anugerah muzik yang sentiasa dinanti-nantikan semua saban tahun dan pihak kami meneruskan usaha untuk menampilkan persembahan hebat dari barisan artis terulung buat tontonan peminat-peminat muzik tanahair,” kata En. Rosmin Hashim, Pengerusi Jawatankuasa Penganjur AIM 19. “Pihak jawatankuasa penganjur AIM dan rakan penyiaran, Astro Ria telah secara bersama menentukan senarai penyampai dan artis terbaik untuk hiburan penonton” tambah beliau lagi.

Buat julung kalinya, dua personaliti dan pengacara TV popular, Aznil Hj. Nawawi dan Adibah Noor digandingkan sebagai hos bersama untuk malam anugerah itu nanti. Pasangan hos yang

pandai berjenaka dan mencuit hati ini tentunya akan menghidupkan lagi malam anugerah tersebut. Manakala **Dahlia Shazwan** yang telah menempa nama dari program **ON-AIR** dan seorang lagi pengacara yang tidak asing lagi, **Awal Ashaari** pula akan mewawancara secara langsung tetamu kenamaan dan barisan artis yang menyusuri '**Karpet Glamor**'.

Faizal Tahir, Tam Spider, Nora Danish, Hattan dan Dato' Fazley adalah di kalangan penyampai ternama pada malam anugerah tersebut.

Naib Presiden Bahagian Perniagaan Melayu Astro, Encik Khairul Anwar Salleh pula berkata, "Komitmen Astro dalam menyokong pembangunan industri muzik tempatan adalah jitu kerana kami tahu akan kewujudan bakat yang hebat dalam industri kita ini. Kita sudah melahirkan serta terus-menerus melahirkan bakat demi bakat bagi bersaing dalam industri muzik yang sememangnya kita tahu mempunyai cabaran yang bukan calang-calang. Kerjasama seperti ini adalah sesuatu yang istimewa bagi Astro kerana ia adalah sebahagian daripada langkah untuk memartabatkan industri muzik tanah air".

AIM 19 akan berlangsung pada hari **Sabtu, 17hb November 2012 di Stadium Malawati, Shah Alam** dan disiarkan secara langsung bermula dengan segmen '**Karpet Glamor**' pada pukul **8.30 malam** diikuti acara anugerah utama pada pukul **9.00 malam** eksklusif di **Astro Ria** (Saluran 104). Rakan penyiaran rasmi TV dan radio adalah masing-masing **Astro Ria** dan **Era FM** disokong oleh **Sinar FM**.

Sila rujuk kepada lampiran untuk senarai penuh penyampai dan persembahan artis.

Untuk maklumat lebih lanjut tentang **RIM**, sila rujuk ke laman web **www.rim.org.my**. Untuk maklumat lanjut mengenai **AIM**, sila rujuk ke laman web **http://aim.org.my**.

###

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

En. Rosmin Hashim, Pengerusi Jawatankuasa Penganjur AIM 19
Emel: rosminhashim@yahoo.com, Tel: 012-2092694,

atau

Adeline Siow, Pengurus Kanan, Bahagian Pemasaran & Komunikasi RIM
Emel: adeline@rimgroup.my, Tel: +603-6207 2813

Jumiza Judin, Eksekutif Kanan, Bahagian Pemasaran & Komunikasi RIM
Emel: jumiza.judin@rimgroup.my, Tel: +603-6207 2976